



Al-Sultan Abdullah diiringi Taib dan Anwar menyempurnakan majlis perasmian sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2023 di Tebingan Sungai Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

# 'Jadikan perpaduan aset penting negara'

Seri Paduka mahu rakyat rapatkan jurang antara kaum, agama

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, mahu perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini dijadikan aset penting.

Seri Paduka bertitah, setiap rakyat Malaysia harus menjadikan nilai perpaduan itu untuk menjamin masa depan negara yang lebih baik.

Justeru, baginda mahu seluruh rakyat mengurangkan perbezaan kaum dan agama, dalam menjalani kehidupan di Malaysia.

"Selepas mendengar ucapan daripada anak-anak muda tadi, ada tiga perkara saya ingin beri tumpuan.

"Pertama, saya terpenggil untuk mengatakan kita rakyat Malaysia harus menjadikan nilai perpaduan sebagai aset negara paling utama sekali yang penting demi masa depan," katanya.

Al-Sultan Abdullah bertitah demikian pada Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2023 di Tebingan Kuching, semalam.

Yang turut hadir, Yang di-Per-



Orang ramai dengan berbusana tradisional pelbagai kaum memeriahkan sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2023, semalam. □

tua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud; Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg serta Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

## Kurangkan perbezaan

Titah baginda, sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian, semua pihak tidak harus membezakan keturunan serta latar belakang.

"Perkara kedua, kurangkan perbezaan sesama kita sebagai

rakyat Malaysia, rapatkan jurang antara kaum dan agama.

"Yang ketiganya, perpaduan harus bermula dari rumah," titah baginda.

Minggu Perpaduan dianjurkan Kementerian Perpaduan Negara dan disambut di seluruh negara pada setiap tahun.

Pengisian utama Minggu Perpaduan adalah program berbentuk kenegaraan, kebudayaan, kesenian dan warisan, bertujuan menggalakkan persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum, agama serta budaya.